



Norma Baru Penggunaan

Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang

Pandemik Covid-19 telah merubah gaya hidup masyarakat Malaysia. Ini adalah termasuk cara kita berekreasi di taman rekreasi awam dan kawasan lapang. Dalam memastikan kesihatan mental dan fizikal, masyarakat digalakkan untuk berekreasi bagi mengekalkan kecergasan 30 minit aktiviti fizikal tahap sederhana , 5 hari seminggu. (Garis Panduan Aktiviti Fizikal Malaysia KKM, 2016). Walaubagaimanapun, norma baru penggunaan taman rekreasi awam dan kawasan lapang perlu diterapkan bagi bersama mengawal jangkitan penyakit. Norma baru mengunapakai taman rekreasi awam dan kawasan lapang ini merupakan garispanduan umum penggunaan sebelum, semasa dan selepas pengunjung berada di taman rekreasi awam dan kawasan lapang.



SEBELUM

ke Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang



Pengunjung perlu memakai pakaian yang bersesuaian dan sentiasa memakai penutup muka (*face mask*) pada setiap masa di taman rekreasi awam dan kawasan lapang.



Pengunjung di ingatkan supaya membawa bersama hand sanitizer atau tisu antibakteria dan sentiasa memastikan kebersihan diri.



Pengunjung yang membawa alatan persendirian untuk menjalankan aktiviti rekreasi seperti basikal, kasut roda, papan luncur, raket bandminton dan sebagainya perlulah membersihkan atau mensanitasikan alatan tersebut sebelum masuk ke taman rekreasi awam dan kawasan lapang



Pengunjung boleh melakukan aktiviti berjogging dan senaman ringan bersendirian, berpasangan atau sehingga bersama tiga angota keluarga yang tinggal bersama dan menaiki kereta yang sama dengan penjarakkan sosial (*social distancing*) 1 meter apabila berada di taman.



Pengunjung yang mempunyai gejala seperti demam, batuk dan selsema tidak dibenarkan berada di taman rekreasi awam dan kawasan lapang.



Melakukan aktiviti riadah di luar daripada lokasi tempat tinggal adalah dilarang. Sebagai contoh A menetap di Putrajaya hanya boleh berekreasi di taman rekreasi awam dan kawasan lapang sekitar Putrajaya. Pergerakan aktiviti sukan yang merentasi negeri adalah tidak dibenarkan.

SEMASA

Di Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang



Pengunjung perlulah memastikan jarak selamat sekurang-kurangnya 1 meter daripada penguna taman yang lain untuk menjalankan aktiviti di taman mahupun berehat dibangku taman.



Taman rekreasi awam dan kawasan lapang mengikut kesesuaian waktu yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengunjung perlu merancang dan menghadkan tempoh masa untuk menjalankan aktiviti rekreasi (kurang dari 1-2 jam sahaja).



Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak melibatkan sentuhan badan seperti badminton adalah dibenarkan



Jika terdapat pengunjung yang ramai di situ adalah disarankan aktiviti senaman tersebut dapat dilakukan di mana-mana kawasan atau ruangan di taman rekreasi awam dan kawasan lapang tersebut tanpa perkumpulan pengunjung yang ramai agar penjarakan sosial dapat dikekalkan.



Bermain skateboarding, inline skating di Skate Park yang terletak di taman permainan berhampiran dengan syarat ia dimainkan di fasiliti sukan dan kawasan terbuka dan tidak melebihi sepuluh (10) individu dalam satu-satu masa dan senantiasa memastikan penjarakan sosial (*social distancing*)



Pengunjung perlu membasuh tangan menggunakan hand sanitizer atau tisu antibakteria bagi membersihkan tangan yang telah memegang permukaan perabut taman sebagai langkah mengelak jangkitan



Aktiviti berkumpulan seperti senamrobik, taichi, yoga dan larian ramai adalah dilarang sama sekali.

SELEPAS

ke Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang



Selepas menjalankan aktiviti rekreasi, pengunjung perlulah membersihkan diri dan membasuh tangan bagi mengurangkan risiko jangkitan



Pengunjung yang membawa alatan untuk rekreasi persendirian seperti basikal, kasut roda, papan luncur dan sebagainya perlulah membersihkan atau mensanitasikan semula alatan tersebut bagi memastikan kebersihan dan mengelakkan jangkitan



Pengunjung taman perlu segera pulang dan tidak memegang atau memeluk keluarga sebelum membersihkan diri bagi mengelakkan jangkitan.

**Bersama Kita Memutuskan Rantai
Penyebaran Virus Covid-19**

Disediakan oleh:



**Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Sumber :

1-Warta Kerajaan : Peraturan-peraturan pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (langkah didalam Kawasan jangkitan No. 6/2020)

2-SOP Rekreasi Kementerian Belia dan Sukan

